PENDAKWA RAYA

lwn.

ARUMUGAM A/L GOVINDARAJALOO

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' SULEIMAN BIN HASHIM PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-29-91]
18 MAC 1993

UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN PROSEDUR: Akta Dadah Berbahaya 1952 - Pertuduhan mengedar dadah berbahaya - Pembelaan dipanggil - Sama ada tertuduh berjaya mematahkan anggapan statutori terhadap pemilikan dan pengedaran dadah tersebut - Seksyen-seksyen 37(da)(i), 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Tertuduh telah ditangkap didalam suatu serang hendap di perhentian bas dimana tertuduh telah mengeluarkan satu sampul surat yang terselit dipinggangnya dan menyerahkan kepada polis. Di sampul surat tersebut didapati dadah seperti dituduhan. Tertuduh menafikan pengetahuan kandungan didalam sampul tersebut dan menyatakan beliau kerja sebagai penghantar surat.

Diputuskan:

[1] Adalah dibuktikan tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa sampul surat tersebut yang mengandungi dadah berbahaya telah berada didalam penjagaan dan dibawah kawalan tertuduh.

[2] Tertuduh telah gagal didalam pembelaannya meyakinkan Mahkamah kerana tidak memberitahu nama dan alamat syarikat yang dikatakan sedang bekerja sebagai penghantar surat dan juga tidak tahu tempoh berkerja.

[3] Pembelaan telah gagal menyoalbalas saksi-saksi mengenai butir-butir penting walaupun mempertikaikan fakta-fakta kes pendakwaan.

[4] Keseluruhan pembelaan tertuduh terdapat kecacatan dengan beberapa perkara yang ditimbulkan telah tidak dijawab. Adalah didapati kenyataan tertuduh tidak mengetahui kandungan sampul yang dibawanya tidak boleh diterima.

[5] Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan tertuduh dengan latarbelakang kes pendakwaan pembelaan tertuduh didapati tidak munasabah dan gagal mematahkan anggapan pemilikan dan pengetahuan bahawa dadah yang dibawanya didalam sampul surat berkenaan.

[Tertuduh didapati bersalah disabitkan seperti tuduhan dan dihukum dibawah s. 39B(2) ADB, 1952].

Kes-kes yang dirujuk:

PP lwn. Chew Yoo Choi [1990] 2 MLJ 444 ***(dirujuk)***
PP lwn. Samsul Kamar [1988] 1 CLJ 542 / [1988] 2 MLJ 252 ***(dirujuk)***
Chean Siong Guat lwn. PP [1969] 2 MLJ 63 ***(dirujuk)***
PP lwn. Lam San [1991] 3 MLJ 426 MA ***(dirujuk)***
Munusamy lwn. PP [1987] 1 CLJ 250 / [1987] 1 MLJ 492 MA ***(dirujuk)***
Yeong Kia Heng lwn. PP [1992] 1 CLJ 364 / [1992] 1 MLJ 327 MA ***(dirujuk)***
Shamsuddin lwn. PP [1991] 3 CLJ 2414 / [1991] 3 MLJ 314 MA ***(dirujuk)***
Muthusamy lwn. PP [1948] 14 MLJ 57 ***(dirujuk)***
Dato Mokhtar bin Hashim lwn. PP [1983] 2 CLJ 10 / [1983] 2 MLJ 232 MP ***(dirujuk)***
PP lwn. Tan Seow Chuan [1985] 1 MLJ 318 ***(dirujuk)***
Ragunathan lwn. PP [1982] CLJ 25 / [1982] 1 MLJ 139 MP ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin lwn. PP [1981] 1 MLJ 212 MA ***(dirujuk)***
PP lwn. Salleh bin Saad [1983] 2 MLJ 164 or 166 ***(dirujuk)***
Johara Bi lwn. Lawrence Lam [1981] 1 MLJ 139 MP ***(dirujuk)***
PP lwn. Ang Boon Foo [1981] 1 MLJ 40 ***(dirujuk)***
PP lwn. Kau Joo Huat [1988] 1 CLJ 477 / [1988] 2 MLJ MA ***(dirujuk)***
PP lwn. Lim Chang Ming [1990] 2 MLJ 497 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 2, 37(d), (da)(i), 39B(1)(a), 39B(2)

ALASAN PENGHAKIMAN

Suleiman Bin Hashim PK:

Tertuduh dituduh,

> Bahawa kamu pada 10hb Mei, 1991 kira-kira pukul 2.15 petang, di Perhentian Bas, di hadapan Sekolah Tinggi Air Panas, Setapak, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan telah melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu 30.84 gram heroin dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pihak pendakwa ialah pada 10 Mei 1991 jam lebih kurang 1.00 tengahari satu pasukan Polis diketuai oleh PPP Othman bin Harun, semuanya sepuluh, termasuk Insp. Ahmad bin Nordin (SP4), D/Kpl 65682 Ruslan bin Jaafar

(SP5), DPC 66604 Md. Yusuf bin Hassan (SP7) sampai di tempat serang hendap, tempatnya di tapak pembinaan (gambar-gambar P4B, P4C) tidak berapa jauh dari perhentian bas dinyata di tuduhan (gambar P4A).

Pada 10 Mei 1991 jam lebih kurang 2.00 petang PPP Othman mengarah (SP5) pergi meninjau Tertuduh yang sedang duduk di perhentian bas itu, SP5 menaiki basikal, SP7 dan DPC 82436 Ng Kin Guan berjalan kaki, mereka menyamar sebagai pekerja kontrak, menghampiri kawasan perhentian bas itu. SP7 dan Ng ambil tempat di sebuah pondok telefon (T warna merah gambar P4C) tidak berapa jauh dari perhentian bas itu, SP5 meneruskan perjalanannya ke perhentian bas itu, mereka nampak Tertuduh dan juga Kelvin Anthony a/l Gunarathna (SP6) seorang murid sekolah, tertuduh duduk di hujung kanan, SP6 duduk di hujung kiri perhentian bas itu. Kata SP5 "tidak apa-apa berlaku". SP5 patah balik maklumkan kepada PPP Othman. SP5 meneruskan keterangannya,

> Selepas itu PPP Othman arah saya pergi lagi ke kawasan bas stop, saya pergi dengan basikal juga. Bila saya sampai hampir di bas stop saya ternampak ada sesuatu benda di belakang banu Tertuduh bahagian pinggang, saya nampak satu benda terbonjol di bahagian, belakang lelaki India ... (jarak jauh sebelas kaki) ... saya nampak itu daripada bahagian tepi. Tidak ada apa-apa menghalang pandangan saya. Masa saya nampak terbonjol itu Tertuduh sedang duduk ...

SP5 patah balik maklumkan kepada PPP Othman dan kata SP5 "Selepas itu lebih kurang 2.10 petang PPP Othman mengarahkan saya, DPC Ng dan DPC Yusuf menghampiri lelaki India untuk membuat tangkapan dengan dibantu oleh Insp. Ahmad Nordin.

Pada 10 Mei 1991 jam lebih kurang 2.15 petang SP5 dan DPC Ng tangkap tertuduh, SP7 tangkap SP6, di perhentian bas itu.

Dan keterangan SP4 seterusnya,

> Sampai bas stop, saya telah menghampiri lelaki India yang dipegang oleh D/Kpl Ruslan dan DPC Ng dan telah memperkenalkan diri sebagai seorang Pegawai Polis daripada CAD. Saya kemudiannya memberitahu lelaki India tersebut bahawa saya ingin membuat pemeriksaan ke atas badannya. Lelaki India tersebut kemudiannya telah mengeluarkan satu sampul surat dengan menggunakan tangan kiri beliau yang terselit di belakang dalam seluar beliau dan menyerah kepada saya.
>
> Saya kemudian memeriksa seimbas lalu kandungan envelope tersebut saya dapati terdapat di dalamnya satu bungkusan yang dibalut oleh keratan akhbar Cina yang mengandungi satu peket plastik yang berisi dadah disyaki heroin.
>
> Saya kemudiannya terus mengarah lelaki India tersebut digari.
>
> Saya kemudiannya menjalankan pemeriksaan lanjut ke atas lelaki India tersebut dan saya telah jumpai satu dompet duit yang brand OCL dan sejambak kunci.
>
> Saya merampas barang-barang tersebut.

Dan kata SP4 lelaki India itu ialah Tertuduh, sampul surat (P3A), keratan akhbar Cina (P3A1), peket plastik (P3A2) berisi dadah heroin seperti dinyata di tuduhan, dompet (P9) dan sejambak kunci (P10).

SP4 ada disoalbalas oleh Encik Shaari Nor, Peguam bagi pihak tertuduh, Encik Shaari ada tanya SP4,

(1) S. ... tertuduh telah dihampiri oleh sebuah kereta proton Saga yang dipandu oleh seorang India, adakah kamu nampak atau kamu tidak tahu.

J. Saya tidak tahu.

S. Kamu tidak tahu dan kamu tidak nampak.

J. Saya tidak tahu.

S. Dan pemandu India itu telah menyerahkan bungkusan tersebut kepada Tertuduh.

J. Saya tidak tahu.

xx xx
xx xx

(2) S. Pada masa itu terdapat lebih kurang 7, 8 orang murid sekolah di bas stop itu.

J. Saya tidak tahu.

(3) S. Juga mengikut arahan anakguam saya sebenarnya bungkusan itu bukan dijumpai atau didapati oleh polis di tempat kejadian, tetapi diperolehi oleh polis di dalam kereta sewaktu dalam perjalanan balik ke Balai Polis.

J. Saya tidak setuju.

xx xx
xx xx

(4) S. Kamu buka di situ atau di tempat lain.

J. Saya buka di tempat kejadian tetapi saya tidak ingat samada envelope itu digam atau tidak digam.

xx xx
xx xx

S. Kalau kamu tak tahu cara mana envelope itu dibuka mungkin kamu lupa envelope itu didapati dalam kereta waktu perjalanan balik ke Balai Polis.
J. Itu saya tidak setuju sebab perkara itu saya catitkan dalam laporan Polis saya dan di dalam borang pemeriksaan (P11).

S. Apa kamu catiti.

Dan keterangan SP4 seterusnya ialah isi kandungan P11 dan P11 itu ialah untuk mematuhi s. 64 Kanun Acara Jenayah (F.M.S. Bab 6), juga Tertuduh ada menandatangani P11. Encik Shaari ada menjemput perhatian saya kepada kes *PP lwn. Chew Yoo Choi* [1990] 2 MLJ 444,

(5) the search list which the Accused signed for the heroin found was tantamount to a confession. As no caution has been administered to the accused, the signature for the heroin found was tantamount to a confession. As no caution had been administered to the Accused, the heroin set out in the search list became inadmissible.

Jadi dengan hormatnya saya mengetepikan P11, saya tidak ambil kira P11,. Sungguhpun nampaknya kalau mengikut kes *PP lwn Samsul Kamar* [1988] 2 MLJ 252 secara analogi P11 itu juga ada dua bahagian, "first ... later and distinct part", "the first part is distinct and can be severed from the later part" bahagian pertama P11 itu boleh diterima, bahagian pertama P11 itu ialah empat perkara,

(1) Orang yang kena periksa nama serta nombor KP dan alamatnya.
(2) Tempat pemeriksaan dijalankan.
(3) Nama pegawai Polis yang hadir masa pemeriksaan dijalankan.
(4) Tarikh dan masa pemeriksaan dijalankan.

Dengan hormatnya di sini saya terima keterangan SP4 tertuduh telah mengeluarkan dan telah menyerahkan P3A dengan isi kandungannya P3A1, P3A2 kepada SP4, selepas itu SP4 telah memeriksa tertuduh dan SP4 telah memperolehi P9, P10 di perhentian bas itu, di tempat kejadian. Ini amalan biasa polis. Keterangan SP5 sokong keterangan SP4. Keterangan SP6 soalan/jawab pemeriksaan utama,

S. From the position you were arrested did you notice Accused being arrested.
J. I was facing the other side, the other side of the bus stop.

S. From where you were arrested could you see the other end, could you see, did you see what happened to Accused at that time.
J. No, I could not see Accused.

Juga keterangan SP6 semasa dalam kereta bersama tertuduh dalam perjalanan ke IPK Polis,

They took a brown envelope, they put it on the dashboard of the car.
S. Then what happened.
J. Then, that is all I can remember. I cannot recall.

Keterangan SP6 soalan/jawap pemeriksaan balas,

S. So this was the occasion you saw the envelope in the car between the construction site and IPK.
J Yes.

S. How did you see the envelope in the car, what made you see the envelope in the car.
J. The police put the envelope on the dashboard of the car ...

S. Did you see where the policeman had taken the envelope from.
J. I do not know from where.

S. That means before you were looking elsewhere.
J. I was looking downwards.

S. Am I right in saying you saw the envelope being put on the dashboard by the policeman, you did not hear any conversation.
J. I cannot remember.

SP6 ada ditunjuk P3A, katanya, "It was something like this." SP6 dan Tertuduh duduk sebelah-menyebelah di tempat duduk belakang kereta. Kalau Polis memperolehi sampul surat itu daripada Tertuduh dalam kereta kebarangkaliannya (probability) SP6 kelihatannya, mengetahuinya. Keterangan SP7 pemeriksaan utama "Masa saya tahan Celvin saya tidak nampak apa yang jadi kepada Tertuduh", soalan/jawab pemeriksaan balas,

S. Balik kepada soalan akhir rakan saya, boleh Yusuf Pastikan mana Yusuf than Celvin di bas stop adakah pandangan Yusuf berterusan terhadap apa yang terjadi kepada Tertuduh selepas Tertuduh ditahan, maknanya bila Yusuf tahan Celvin, Yusuf

dapat lihat apa yang terjadi pada Tertuduh selepas Tertuduh ditahan.

J. Tidak.

S. Boleh Yusuf terangkan kenapa Yusuf tidak dapat lihat, tidak dapat lihat apa yang berlaku kepada Terduduh yang mana pada ketika itu Yusuf sudah pun menahan Celvin.

J. Itu sebabkan tumpuan saya keatas Celvin.

Dengan hormatnya tidak semestinya dua orang nampak lihat sama, tidak semestinya dua orang nampak lihat semua, kes *Chean Siong Guat lwn. PP* [1969] 2 MLJ 63.

Dengan hormatnya bahagian kes pihak pembela mengikut soalan-soalan balas kepada SP4, SP5, SP6 dan SP7 "Pada masa itu terdapat lebih kurang 7, 8 orang murid sekolah di bas stop itu", saya terima. Perkara ini disahkan oleh SP6 dan SP7, kebarangkaliannya tidak kelihatannya tidak mengetahuinya oleh SP4 dan SP5.

Dengan hormatnya bahagian kes pihak pembela mengikut soalan-soalan balas kepada SP4, SP5, SP6 dan SP7, "Tertuduh telah dihampiri oleh sebuah kereta Proton Saga yang dipandu oleh seorang India ... Dan pemandu India itu telah menyerahkan bungkusan tersebut kepada Tertuduh ...", juga saya terima. Perkara ini disahkan oleh SP6, kebarangkaliannya tidak kelihatannya, tidak mengetahuinya oleh SP4, SP5 dan SP7.

Sebelum pihak pendakwa akhiri kes pihak pendakwa ada Encik Shaari, diantara lainnya,

(1) mencabar dengan panjang lebar kelayakan, berkelayakan dan kebolehpercayaan Encik Chan Kee Bian (SP3) sebagai Ahli Kimia. Dengan hormatnya cabaran itu tidak ada merit,

> As to how a Trial Court should approach the evidence of a chemist, we wish to advert to the judgment of this Court in *Munusamy v. PP* (1) where in a passage at p.496F, Mohamed Azmi SCJ on behalf of the Court put in focus the function of the chemist in a trial of this nature:
>
> We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the Court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step.
>
> Two things are implicit in that passage. First, unless the evidence is so inherently incredible that no reasonable person can believe it to be true, it should be accepted as *prima facie* evidence. Secondly, so long as the evidence is credible, there is no necessity for the chemist to show in detail what he did in his laboratory.
>
> In our view, the evidence of the chemist in this case was more than sufficient as basis to call for the defence, granted that all the other ingredients of the offence had been successfully proved.
>
> The evidence of the chemist must be looked at in its totality. Seen in its totality, the evidence of the chemist in this case is not sketchy at all. There is no need for him to say what instrument he used for the purpose of the analysis or that the instrument was in good working condition as we have to assume until the contrary is shown that he had the proper instrument to carry out his work...

Kes *PP v. Lam San* [1991] 3 MLJ 426 MA dan juga "without being derogatory it is common knowledge that even animals, such as sniff dogs when sufficiently trained, are able to detect certain dangerous drugs", kes *Munusamy v. PP* [1987] 1 MLJ 492 MA,

(2) mencabar dengan panjang lebar identiti barang kes mengenai reka bentuknya, mengenai ketiadaan catitan nombor laporan Polis di atas P3A1, P3A2, mengenai ketiadaan pemeriksaan samada cap jari Tertuduh di atas P3A, P3A1, P3A2 dan lain-lain. Dengan hormatnya cabaran itu tidak ada merit, langsung tidak (not anywhere near) kes *Yeong Kia Heng v. PP* [1992] 1 MLJ 327 MA,

(3) mencabar dengan panjang lebar kata Encik Shaari terdapat jurang yang serius di dalam rangkaian keterangan mengenai dadah yang dikatakan diperolehi dan dadah dikemukakan ke Mahkamah, pergerakan dadah itu daripada SP4 kepada saksi-saksi berkenaan mengenai simpanan, keselamatan dadah itu, juga SP3, hingga dadah itu dikemukakan ke Mahkamah.

Dengan hormatnya cabaran itu tidak ada merit langsung tidak (not anywhere near) kes *Shamsuddin v. PP* [1991] 3 MLJ 314 MA.

YA TPR ada memohon mencabar kebolehpercayaan SP6. Percakapan SP6 kepada Polis saya tandakan barang kes P14. Dan rakaman saya,

"Mahkamah kepada saksi

So in your statement to the Police,

S. Semasa kamu bersama OKT 'Arumugam' berada di tempat tersebut "Bus stop" adakah kereta Proton Saga warna putih berhenti dan serahkan apa-apa bungkusan pada OKT 'Arumugam'.

J. Saya nampak kerata lalu, tapi saya tidak nampak mana-mana kereta berhenti dan serahkan apa-apa bungkusan sama Arumugam "OKT" di depan bus stop itu.

But in Court, in answer to Encik Shaari Nor.

S. Before the people came to arrest you and Accused, you think properly what happened that day you don't have to be afraid of anything, this is a Court house and in a Court house you are obliged to tell the Court the whole truth without fear or favour and I am telling you that whatever you say in Court nobody can touch you, arrest you for whatever you say in Court, did you not see on that day before some people came to arrest you and Accused did you not see a Proton Saga coming driven by an Indian man to the bus stop and the Indian man gave something, one parcel, one envelope to the Accused.

xx xx
xx xx

J. I am afraid to say it in a statement but I saw a Proton Saga stop and just I do not know who he is, it could be Accused's friend handed an envelope to him. I am afraid maybe in Court I am given protection but outside the Court how long can you all give me protection."

Again this morning in answer to DPP,

S. Are you very sure on that day a Proton Saga arrived and the driver handed an envelope to Accused.
J. I Saw it.

S. Are you sure the Proton Saga stopped in front of Accused.
J. When the car stopped Accused was standing by the side door of the car, on the passenger's side, by the side of the front door.

S. In other words you saw the car stop in front of Accused.
J. Yes.

S. Your statement to the Police and your evidence in Court, on two occasions one in answer to Encik Shaari Nor, second time in answer to DPP this morning is, in my opinion, I can be wrong, a material contradiction. Can you explain the material contradiction. I have to decide at the close of the case for the prosecution after hearing submission by Encik Shaari Nor and by the DPP whether your explanation is acceptable, can be accepted. I have told you the DPP is making application to impeach your credit. If in my opinion, I can be wrong, your explanation is acceptable, can be accepted your credit is not impeached, it is my opinion, I can be wrong, your explanation is not acceptable, cannot be accepted then I will make a ruling, I can be wrong, that your credit is impeached. So now if you can, you can give me your explanation.

Sebelum dapat SP6 memberi penjelasan penghujahan Encik Shaari SP6 diberi peluang diwakili oleh Peguam akan oleh Encik Shaari sendiri.

Dengan hormatnya saya menolak penghujahan Encik Shaari, saya ikut kes *Muthusamy v. PP* [1948] 14 MLJ 57 dan saya teruskan,

"Mahkamah kepada saksi

S. If you understand what I have explained to you earlier you can give your explanation why in your statement to the Police which I have read to you and in your evidence in Court what I have also read to you there is the material contradiction, the material contradiction being in your statement to the Police you said "Saya nampak kereta lalu, tapi saya tidak nampak mana-mana kereta berhenti dan serahkan apa-apa bungkusan, sama Arumugam "OKT" di depan bus stop itu" but in your evidence in Court you said, "... I saw a Proton Saga stop and just I do not know who he is, it could be Accused's friend handed an envelope to him" and again

S. Are you very sure on that day a Proton Saya arrived and the driver handed an envelope to Accused.
J. I saw it.

J. I was afraid to tell it to the Police because if they were to tell whoever the Proton Saga driver is if that I told about that person in the statement he might come after me or hurt my family. That is what I was afraid of becuase sometimes we cannot trust the Police or maybe one of them were to inform the Proton Saga driver I would be injured.

S. Anything else you would like to amend, to explain further.

J. After the last statement I was suddenly questioned about this the last statement a year ago. Of course this is my first appearance in Court. I have never done anything wrong to be here. That's all.

S. Anything else.

J. That is all.

Keputusan kebolehpercayaan SP6 saya tangguh ke akhir kes pihak pendakwa, kes *Dato Mokhtar bin Hashim v. PP* [1983] 2 MLJ 232 MP.

Selepas keterangan SP6 saya dapat dengar keterangan SP7 dan dengan hormatnya pada pendapat saya SP7 telah menyelamatkan kebolehpercayaan SP6. SP7 sokong SP6 ada, 7, 8 murid-murid sekolah di perhentian bas, satu perkara SP4 dan SP5 tidak sokong SP6. Jika SP7 dapat sokong SP6 mengenai 7, 8 murid-murid sekolah itu tidak kelihatannya, tidak mengetahuinya oleh SP4 dan SP5 keberangkalian ada Proton Saga tiba, ada pemandu Proton Saga itu "menyerahkan bungkusan tersebut kepada Tertuduh" perkara ini tidak kelihatannya, tidak mengetahui oleh SP4, SP5 dan SP7.

Jadi dengan hormatnya keputusan saya diakhiri kes pihak pendakwa ialah kebolehpercayaan SP6 tidak dicabar, hanya tetapi tidak "unscathed", kes *PP v. Tan Seow Chuan* [1985] 1 MLJ 318 di 323.

Dengan hormatnya pada pendapat saya walau bagaimanapun diakhir kes pihak pendakwa ada kes *prima facie* terhadap Tertuduh keatas tuduhan, ada keterangan SP4 dan SP5 "not inherently incredible", kes *Ragunathan v. PP* [1982] 1 MLJ 139 MP dan kes-kes berikutan, juga kes pihak pembela dengan sendirinya semasa saksi-saksi berkenaan disoal-balas, dan ada juga SP5 disoal-balas, "Dia menyimpan barang di belakang dia kerana dia pernah bekerja despatch menghantar barang-barang, surat, parcel dan itulah tempat biasa dia simpan barang despatch", ialah Tertuduh ada memiliki P3A di dalamnya P3A1 di dalamnya P3A2 di dalamnya dadah seperti dinyata di tuduhan bermakna *prima facie* Tertuduh ada jagaan (custody) atau kawalan (under his control) P3A di dalamnya dadah seperti dinyata di tuduhan dan ujudlah anggapan "possession" dan ujudlah anggapan "shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug", seksyen 37(d) dan oleh kerana dadah itu melebihi 15 grammes ujudlah anggapan mengedar, seksyen 37(da)(i) ADB, 1952.

Saya perintah Tertuduh membela diri. Tertuduh memberi keterangan secara bersumpah.

Keterangan, pembelaan Tertuduh ialah,

Pada 9 Mei 1991 lebih kurang 5.30 petang saya telah berjumpa dengan Ravi bersama dengan kawannya di bas stop di hadapan Kentucky Fried Chicken di hadapan Kentucky Fried Chicken, di Setapak, bas stop lain.

Di bas stop Kentucky itu mereka, Ravi dan kawannya telah mempelawa saya naik kereta mereka menuju ke rumah saya.

Dalam perjalanan mereka telah bertanya hal pekerjaan saya dan Ravi telah memberitahu saya ada satu kekosongan kerja despatch di Damansara. Dia tanya saya adakah saya mahu kerja sebagai despatch boy. Saya pun bersetuju ingin meminta kerja despatch.

Ya, Ravi beritahu saya pergi menunggu di bas stop High School pada keesokan harinya dari pukul 12.00 tengahari hingga 1.00 tengahari.

xx xx
xx xx

S. Pada 10 Mei 1991 kamu di bas stop untuk tujuan apa.

J. Untuk berjumpa Ravi.

xx xx
xx xx

S. Apa berlaku di bas stop.

J. "Semasa saya berada di situ, lebih kurang 12.50 tengahari Ravi datang dengan menaiki sebuah Proton Saga warna putih. Ravi berhenti di tepi jalan dan saya menghampirinya dan bertanya kepadanya "Bolehkah kita pergi sekarang". Ravi memberitahu saya kita tunggu lima minit lagi menunggu kedatangan kawannya yang dijumpa kelmarin, namanya Shankar.

Dan tiba-tiba Ravi berkata dia sakit perut dan hendak pergi ke rumahnya untuk membuang air besar, mengarah saya menyimpan satu parcel dan kemudian diberikan kepada saya. Ravi beritahu saya berikan parcel ini kepada Shankar bila dia sampai nanti dan beliau pun terus pergi dari situ.

S. Apa kamu buat dengan parcel.

J. Saya memgambil parcel itu, seperti kebiasaan saya terus selitkan di pinggang saya.

Selepas beberapa saat sahaja dua orang lelaki turus menangkap saya, memegang saya dan memperkenalkan diri sebagai Polis.

Ketika itu juga datang sebuah kereta dengan empat orang anggota di dalamnya berhenti di depan saya.

Tertuduh cam "parcel" itu ialah P3A, yang tidak boleh nampak isi kandungannya, yang Tertuduh tidak buka, tidak tahu apa isi kandungannya, tidak pasti sama bergam atau tidak, berlipat dua, kata Ravi "awak beri sahaja kepada Shankar, dia tahu macam mana hendak buat," dan kata Tertuduh "saya diberitahu oleh Ravi ada surat di dalamnya, isi kandungan yang sebenarnya saya tidak tahu.

Kata Tertuduh beliau berkenalan dengan Ravi semenjak 1987 apabila mereka bekerja bersama sebagai "despatch boy", pada 1987 beliau mengalami kemalangan, berhenti kerja sebagai "despatch boy", pada 1988, 1989 beliau bekerja sebagai pekerja kontrak dengan majikan bapa SP6, pada 1990 beliau bekerja sebagai kelendan lori mengangkut barang-barang, kerjanya semasa ditangkap pada 10 Mei 1991.

Dengan hormatnya keterangan, pembelaan Tertuduh pada keseluruhannya (in its totality) ada kecacatan (flaws),

(1) Kata Tertuduh kebetulannya beliau bercuti pada 10 Mei 1991.

(2) Tertuduh tidak beritahu nama, alamat Syarikat atau Firma katanya beliau sedang bekerja itu.

(3) Kata Tertuduh amalannya, kebiasaannya beliau menyelit "parcel" di pinggang belakangnya sebabnya semasa bekerja "despatch boy" motorsikal beliau tiada bakul, kalau guanakan getah untuk mengikat "parcel" akan merosakkan kandungan "parcel", "jadi saya amalkan membawa parcel dengan menyelitkan di badan saya."

(4) Tertuduh tidak tahu nama Syarikat atau Firma katanya beliau bekerja "despatch" itu, hanya "Syarikat Cina Saya Kurang ingat namanya, di Jalan Pasar Pudu" tetapi katanya ada semuanya sembilan "despatch boy" bekerja di situ, satu Syarikat atau Firma agak besar, terkemuka, termasyur.

(5) Kata Tertuduh Polis tidak memperolehi P3A daripada beliau di tempat kejadian Polis tidak memeriksa beliau di tempat kejadian, hanya dalam kereta semasa perjalanan ke IPK Polis barulah SP4 "meminta saya mengeluarkan parcel yang terselit di pinggang saya" dan setakat itu SP4 masih belum, tidak memeriksa isi kandungan P3A, cuma "Pegawai tersebut mengambil parcel tersebut terus letak di atas dashboard kereta", tetapi detail- detail "crucial" ini SP4 atau lain-lain saksi berkenaan tidak disoal-balas, kes *Wong Swee Chin v. PP* [1981] 1 MLJ 212 MA, jika benar berlaku demikian kenapa tidak disoal-balas.

(6) Kata Tertuduh kali pertama Polis buka P3A ialah di IPK Polis dan, "Pada kali pertama saya nampak bungkusan yang mengandungi ketulan yang berwarna merah jambu di IPK yang ditunjukkan kepada saya", juga saksi-saksi berkenaan tidak disoal-balas, jika benar berlaku demikian kenapa tidak disoal-balas.

(7) Kata Tertuduh juga di IPK beliau nampak Ravi, Shankar dan seorang lelaki Cina dan soalan Encik Shaari

S. Ada tidak kamu beritahu Polis siapa yang beri awak envelope itu.
J. Saya telah memberitahu PPP Othman Harun dari mana saya dapat envelope itu.

Tetapi semasa disoal-balas oleh Y.A. TPR

S. Tidak ada sebab-sebab Polis atau sesiapa hendak aniaya awak.
J. Di IPK saya ada nampak.
J. Di IPK saya ada nampak Ravi, Shankar dan seorang lelaki yang telah ditangkap. Saya sudah pun beritahu kepada Insp. Ahmad Nordin envelope itu kepunyaan Ravi. Kenapa mereka melepaskan Ravi dan menganiayakan saya.

S. Tadi awak, dahulu awak ada kata awak beritahu kepada PPP Othman, sekarang awak kata beritahu Insp. Ahmad Nordin, mana satu betul.
J. Kedua-dua mereka berada, ada di pejabat.

S. Awak beritahu kedua-dua. Jadi awak kata awak beritahu PPP Othman tidak betul.
J. Semasa saya menjawab pertanyaan mereka, mereka berdua-dua ada di hadapan saya.

Jadi dahulu kata Tertuduh beritahu kepada PPP Othman, sekarang dicabar kata Tertuduh beritahu kepada kedua-dua

SP4 dan PPP Othman. Juga SP4 tidak disoal-balas, jika benar berlaku demikian kenapa SP4 tidak disoal-balas.

(8) YA TPR meneruskan

S. Kenapa tunggu di IPK, kalau nendak beritahu, patut beritahu di bas stop, atau di dalam kereta, tak payah tunggu di IPK.
J. Saya tidak tahu mengapa saya ditangkap sehingga saya sampai di IPK. Di IPK sahaja parcel ini dibuka dan ditunjuk kepada saya.

S. Setuju di bas stop, atau di dalam kerata awak boleh beritahu bungkusan bukan kepunyaan awak, diberi oleh Ravi kepada awak.
J. Saya tidak ditanya langsung tentang envelope ini di bas stop atau di tempat pembinaan.

S. Setuju pertama kali Insp. Ahmad suruh awak keluarkan bungkusan, kata awak di dalam kereta, pada ketika itu awak boleh beritahu kepada Insp. bungkusan itu bukan kepunyaan awak, Ravi beri kepada awak, tidak perlu tunggu sampai IPK.
J. Semua itu saya tidak tahu kenapa mereka tangkap saya. Insp. Ahmad Nordin minta envelope saya pun serahkan kepada dia. Insp. Ahmad tidak beritahu apa kesalahan saya di dalam kereta.

S. Saya katakan awak tidak beritahu kepada Insp. Ahmad pada ketika itu sebab bungkusan itu awak punya, bukan Ravi punya, bukan Shankar punya.
J. Saya tidak setuju.

Yang kata tertuduh "Saya tidak tahu mengapa saya ditangkap sehingga saya sampai di IPK ...", "Saya tidak ditanya langsung tentang envelope ini di bas stop atau di tempat pembinaan", juga saksi-saksi berkenaan tidak disoal-balas, jika benar berlaku demikian kenapa tidak disoal-balas.

(9) Kata Tertuduh, "Apabila dua anggota Polis memegang saya di bas stop murid-murid sekolah yang berada di situ menjerit-jerit mengingat kami sedang bergaduh, kebetulannya kereta Polis sampai, Insp. Ahmad Nordin ada di dalamnya dan terus masukkan kami berdua ke dalam kereta.", juga saksi-saksi berkenaan tidak disoal-balas, jika benar berlaku demikian kenapa tidak disoal-balas.

Dengan hormat mengenai kegagalan menyoal-balas saksi-saksi berkenaan dan kemudiannya menimbulkan sesuatu, juga untuk panduan saya kes *PP v. Salleh bin Saad* [1983] 2 MLJ 164 or 166,

> In the light of the facts and circumstances I cannot but come to the conclusion that this was an after-thought by the Accused himself for otherwise the learned defence Counsel would not have left any stone unturned to put up a more concrete and probable defence on the matter.

Dengan hormatnya di kes di hadapan saya sekarang ini saya percaya rakaman rekod perbicaraan saya boleh membuktikan Encik Shaari tidak akan "leave any stone unturned". Sebenarnya kerapkali saya tidak bersetuju dengan Encik Shaari, kerapkali saya tidak membenarkan Encik Shaari meneruskan soalan-soalannya, semuanya ada dirakam, mungkin saya silap, saya harap saya tidak silap, mengenai perkara-perkara langsung tidak relevan (totally irrelevant), umpama semasa SP3 dan SP4 memberi keterangan.

Dengan hormatnya di kes di hadapan saya sekarang ini "in the light of the facts and circumstances" kes *PP v. Salleh bin Saad* [1983] 2 MLJ 164 or 166 memang penting untuk pembelaan Tertuduh. Polis tidak memperolehi P3A daripada Tertuduh diperhentian bas, di tempat kejadian supaya membuktikan Tertuduh, kalau Tertuduh tahu isi kandungan P3A ialah dadah, Tertuduh ada peluang, ada peluang lebih daripada mencukupi (more than ample opportunity) menyorok atau mencampak P3A itu, seperti kata Tertuduh semasa disoal oleh Encik Shaari,

S. Di bas stop apabila Ravi beri parcel, sekiranya kamu tahu dadah kamu akan ambil atau tidak.
J. Tentu tidak.

S. Apa kamu buat sekiranya kamu tahu dalam parcel itu ada dadah.
J. Cuba buang.

S. Dan akan memberi tahu sesiapa.
J. Akan beritahu kepada Polis.

xx xx
xx xx

S. Di tapak pembinaan Polis semasa keluar daripada kereta. Macam mana Polis itu jauh atau dekat dengan kereta.

J. Dua pergi ke belakang kereta, dua lagi masuk pejabat tapak pembinaan.

Dalam kereta saya dan Kelvin sahaja.

S. Masa itu dalam kereta dengan Kelvin jika kamu tahu barang itu barang salah apa kamu buat.

TPR

Bantahan.

Mahkamah

Tertuduh boleh jawab.

J. Saya boleh sorokkan di bawah tempat duduk dalam kereta, juga boleh saya campakkan keluar.

Yang "Dalam kereta saya dan Kelvin sahaja" saksi-saksi berkenaan tidak disoal-balas, jika benar berlaku demikian kenapa tidak disoal-balas.

Juga ada Tertuduh kata, semasa disoal-balas oleh YA TPR,

S. Bila Ravi sudah pergi awak boleh buka envelope tengok apa ada, awak boleh tengok envelope ada gam tidak, tidak ada gam awak boleh buka tengok dalam.
J. Saya tidak membuka dan tidak memeriksa.

S. Selepas awak dapat envelope boleh atau tidak awak tengok, lihat,, buka lipatnya tengok ada gam atau tidak ada gam, bergam atau tidak.
J. Barang ini diberi kepada saya untuk disampaikan kepada orang lain, tidaklah baik untuk saya membuka dan memeriksa.

S. Awak tidak buka, envelope itu tidak bergam, awak tidak buka lipatan envelope kerana awak sudah tahu dalamnya ada heroin.
J. Tidak tahu.

Dengan hormatnya dengan keterangan, pembelaan Tertuduh pada keseluruhannya ada kecacatan, dengan keterangan, pembelaan Tertuduh pada keseluruhannya ada beberapa perkara tidak dijawab (unanswered queries), kes *Johara Bi v. Lawrence Lam* [1981] 1 MLJ 139 MP dimana "Lawrence Lam's account of what happened ... leaves us with the following unanswered queries", dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian, rasa saya sukar dapat saya terima kata Tertuduh "... tidaklah baik untuk saya membuka memeriksa" dan kalaulah benar Tertuduh tidak membuka memeriksa, dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian, rasa saya sukar dapat saya terima Tertuduh tidak tahu dalam P3A ialah dadah, dan dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian, rasa saya sukar dapat saya terima kesucian (innocence) Tertuduh mengenai isi kandungan P3A.

Mengenai

(1) samada Tertuduh menggeletar semasa ditangkap, ini hanya satu aspek keseluruhan keterangan.
(2) Tertuduh tidak mencuba melarikan dari semasa ditangkap, ini juga hanya satu aspek keseluruhan keterangan. Kata SP4 Tertuduh tidak berpeluang mencuba melarikan diri.

Encik Shaari dan YA TPR ada mengemukakan beberapa kes-kes rujukan masing-masing.

Encik Shaari ada menjemput perhatian saya kepada kes *PP v. Ang Boon Foo* [1981] 1 MLJ 40 keputusan "the appellant had no power of disposal of the bag or its contents ... consequently the presumption under s. 37(d) had been rebutted", tetapi kes *PP v. Kau Joo Huat* [1988] 2 MLJ MA rujukan kepada Mahkamah Agung "Whether possession for the purpose of the Dangerous Drugs Act, 1952 would require proof of the power of disposal of the drug by the accused" yang ambil kira kes *PP v. Ang Boon Foo* [1981] 1 MLJ 40 jawapannya ialah "in the negative ... wrong to say that the accused must have the power of disposal to support the conviction."

YA TPR ada menjemput perhatian saya kepada kes *PP v. Lim Chang Ming* [1990] 2 MLJ 497 raguan Tertuduh telah ditolak oleh Mahkamah Agung, yang ada persamaan dengan kes di hadapan saya sekarang ini, cuma diantara lainnya di kes *PP v. Lim Chang Ming* [1990] 2 MLJ 497 Tertuduh ditangkap semasa melarikan diri.

Dengan hormatnya di kes di hadapan saya sekarang ini dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian memandang kepada semua fakta-fakta keseluruhannya (in its totality) saya berpendapat Tertuduh tahu isi kandungan P3A ialah dadah seperti dinyata di tuduhan, iaitu dengan mengunakan ukuran imbangan kebarangkalian saya berpendapat Tertuduh tidak berjaya mematahkan (rebut) anggapan "possession" dibawah s. 37(d), juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian saya berpendapat Tertuduh

tidak berjaya mematahkan anggapan pengetahuan (deemed to have known the nature of such drug) dibawah s. 37(d) dan seperti disebut di kes *PP v. Lim Chang Ming* "'carrying, sending and delivering' is included in 'trafficking' under s. 2 of the Act", juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan dadah heroin itu melebihi 15 gram saya berpendapat Tertuduh tidak berjaya mematahkan anggapan mengedar dibawah s. 37(da) (i) ADB, 1952.

Dengan hormatnya juga untuk panduan saya,

(1) Kes *Mohd Yusof b. Haji Ahmad*, "the element of truth is required but the element of probability is the main factor so that if the Court accepts the defence story as probable even though it is not convinced of the truth, then the defence has succeeded in proving to the contrary the presumption that has arisen. In this case the learned President applied the correct test and concluded the alleged threat was improbable."

(2) Kes *Abdullah b. Yaakob*, Tan Sri Dato' Hashim Yeo A. Sani CJ (Malaya) mengingatkan Mahkamah jangan ketinggalan ambil kira keterangan-keterangan saksi-saksi kes pembelaan.

(3) Kes *Mohd Radhi b. Yaakob*, "even though a Judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the Court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt on the prosecution case" juga, "the learned Judge had failed to sufficiently consider the evidence of the defence witnesses."

Dengan hormatnya juga dengan pembelaan Tertuduh pada keseluruhannya ada beberapa kecacatan, ada beberapa perkara tidak dijawab, pembelaan Tertuduh itu kurang munasabah, tidak munasabah, berasas kepada penelitian keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keterangan-keterangan pihak pembelaan pada keseluruhannya dan tidak keraguan yang munasabah yang telah dibangkitkan atau ditimbulkan keatas kes pihak pendakwa dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan hormatnya saya berpendapat P3A ada di dalam dan dibawah jagaan (custody) atau kawalan (control) Tertuduh, juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian saya berpendapat Tertuduh tidak mematahkan anggapan memiliki (possession) dan anggapan mengetahui di dalam P3A itu ada dadah seperti dinyata di tuduhan, dibawah seksyen 37(d) dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian, dengan berat dadah itu melebehi 15 gram, Tertuduh tidak mematahkan anggapan dibawah s. 37(da) (i) ADB, 1952.

Saya dapati Tertuduh bersalah seperti dinyata di tuduhan dan Tertuduh adalah disabitkan seperti dinyata di tuduhan, dihukum dibawah s. 39B(2) ADB, 1952 dibaca bersama s. 277 KAJ (F.M.S. Bab 6).